

Malaysia bukan lagi 'negara berhampiran Singapura' — Dr. M

UM 19 APR 2002

CASABLANCA 18 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menceritakan bagaimana apabila satu ketika dulu Malaysia pernah dikenali dunia luar hanya sebagai sebuah 'negara berhampiran dengan Singapura' sahaja tetapi kini ia dapat bermegah sebagai sebuah negara yang mencatatkan jumlah peningkatan kemasukan pelancong asing yang cukup mengagumkan.

Perdana Menteri berkata, hampir setiap orang di dunia mengetahui Thailand, Indonesia dan Filipina tetapi kebanyakan mereka tidak tahu di mana Malaysia, walaupun negara-negara tersebut hanya berjiran dengan Malaysia.

"Meski pun pada masa itu kita telah mencapai kemerdekaan beberapa dekad lamanya, ada yang menyangka bahawa kita berada di Himalaya dan ada pula yang kata kita Malawi di Afrika.

"Tetapi apa yang lebih menyakitkan hati ialah apabila setiap orang yang mengenali Malaysia pula pada masa itu hanya menyebut kita dekat Singapura, sedangkan yang sebenarnya Singapura yang dekat dengan Malaysia," kata beliau disambut dengan gelak ketawa dan tepukan gemuruh oleh lebih 300 orang ahli perniagaan Casablanca dalam satu majlis dialog di sini.

Majlis dialog dengan masyarakat perniagaan Casablanca itu dianjurkan oleh Confederation of General Enterprise Maghribi, pada hari ketiga lawatannya ke Maghribi, petang semalam.

Menurut Perdana Menteri, sumber tarikan utamanya ialah Malaysia adalah sebuah negara yang benar-benar bersifat Asia kerana ia mempunyai tiga kumpulan utama masyarakat yang hidup dengan penuh harmoni dan kaya dengan budaya tersendiri. — *Utusan*